



**TEMUBUAL RTM
KONTI SARAWAK FM
KESEDARAN PERLINDUNGAN LAPISAN OZON &
SAMBUTAN HARI OZON ANTARABANGSA 2020**

HAMZAH BIN MOHAMAD

**PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**22 SEPT 2020 (SELASA)
JAM 2.30 PETANG**

PENDAHULUAN

Assalamualaikum WBT dan salam ceria kepada semua rakyat Malaysia.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak RTM kerana sudi mengundang saya di konti Sarawak FM pada pagi ini dalam bual bicara mengenai Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon dan Sambutan Hari Ozon Antarabangsa 2020.

SOALAN 1

Boleh tuan berikan sedikit pengenalan mengenai lapisan ozon?

JAWAPAN 1

Ozon adalah salah satu gas tanpa warna di atmosfera. Ia berada kira-kira 15 ke 35 kilometer dari paras bumi. Lapisan ozon berfungsi melindungi kehidupan di muka bumi dari sinaran ultra ungu (UV) matahari yang berbahaya. Walau bagaimanapun, lapisan ozon ini boleh menipis akibat dari tindak balas bahan kimia kesan daripada aktiviti manusia.

SOALAN 2

Apakah punca-punca penipisan lapisan ozon ini?

JAWAPAN 2

Antara punca penipisan lapisan ozon adalah:-

- i) Penggunaan bahan kloroflourokarbon (CFC) dalam pembuatan penghawa dingin, aerosol, peti sejuk dan lain-lain.**
- ii) Pelepasan asap dan gas-gas pencemar dari industri**
- iii) Peningkatan penggunaan kenderaan bermotor**
- iv) Penebangan pokok secara berleluasa dan kemusnahan hutan**
- v) Pelepasan gas pencemar dari ujian bom, nuklear dan pelancaran roket.**

SOALAN 3

Apakah akibat dan kesan daripada penipisan lapisan ozon?

JAWAPAN 3

Untuk makluman para pendengar, penipisan lapisan ozon memberi kesan dan mengundang pelbagai risiko terhadap hidupan di bumi. Antaranya adalah kesan terhadap kesihatan manusia. Pendedahan yang berlebihan kepada sinaran UV boleh menyebabkan gejala pernafasan seperti batuk, lelah, sesak nafas, barah kulit dan peningkatan risiko

pelbagai penyakit. Selain itu, ia juga menyebabkan perubahan iklim dunia, peningkatan suhu bumi dan pemanasan global. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan kepada ekosistem daratan iaitu kekurangan hasil tanaman, memendekkan jangka hayat fabrik dan bahan buatan getah yang menyebabkan ianya cepat rosak.

SOALAN 4

Bilakah Sambutan Hari Ozon Antarabangsa dan apakah tujuan sambutan ini?

JAWAPAN 4

Hari Ozon Antarabangsa disambut pada 16 September setiap tahun bermula pada tahun 1987 apabila termaktubnya Perjanjian Protokol Montreal iaitu perjanjian antarabangsa yang dibentuk di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertujuan untuk melindungi penipisan lapisan ozon. Sebanyak 46 buah negara di seluruh dunia telah menandatangani perjanjian ini termasuk Malaysia dan 197 buah negara telah mengesahkan Protokol

Montreal dalam usaha seluruh dunia mengawal penghasilan dan penggunaan bahan pemusnah ozon (ODSs). Dengan tema 'Ozon Untuk Kehidupan' (Ozon For Life) pada tahun ini, Hari Ozon Antarabangsa disambut bagi menyeru semua pihak untuk meneruskan usaha memulihara lapisan ozon dan menangani masalah perubahan iklim. Setiap lapisan masyarakat juga dipelawa untuk bersama-sama menjaga alam sekitar dan meraikan kejayaan Protokol Montreal dalam memulihara lapisan ozon dan menyumbang kepada pengurangan kesan perubahan iklim.

Bersempena dengan Sambutan Hari Ozon Antarabangsa Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah merancang beberapa program iaitu:-

- i) Program yang pertama adalah 'Program Save Ozone Virtual Ride' dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad iaitu aktiviti berbasikal secara maya atau realiti sejauh 50Km dengan cara norma baru, dimana jua peserta berada bersesuaian dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan

mengikut Prosedur Operasi Standard ditetapkan. Program adalah terbuka kepada orang awam. Peserta mendaftar secara online dan tempoh berbasikal bermula 22 Ogos sehingga 6 September 2020. Tujuan aktiviti ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pencemaran ozon aras bumi yang mana salah satu punca utama adalah daripada pelepasan kenderaan bermotor. Selain itu, aktiviti ini juga menggalakkan masyarakat untuk berbasikal bagi mengurangkan pelepasan gas dari kenderaan bermotor yang menjadi pencetus ozon dan menyumbang kepada penipisan lapisan ozon;

- ii) Program yang kedua adalah 'Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon dan Kesejahteraan Keluarga' yang akan diadakan pada 27 September 2020 di Dewan Masyarakat Kampung Beladin. Dianggarkan seramai 100 orang penduduk terlibat di dalam program ini dan antara pengisian program adalah ceramah ozon, kuiz, demonstrasi pengujian pelepasan gas dari kenderaan petrol & penghawa

dingin kenderaan, ceramah dari Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri Sarawak, pameran dan tayangan video.

SOALAN 5

Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam menangani isu penipisan lapisan ozon?

JAWAPAN 5

Malaysia komited dan telah melakukan beberapa pencapaian penting untuk melindungi penipisan lapisan ozon selaras dengan ketetapan Protokol Montreal. Antaranya adalah menghentikan penghasilan dan pengimportan Chlofluorocarbons (CFC), Halon dan Carbon tetrachloride mulai 1 Januari 2010. Bahan-bahan pemusnah ozon ini banyak digunakan dalam sektor pembuatan alat penyama udara, kereta, bas, kenderaan bermotor dan sistem penyejuk beku.

Pada masa ini, Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan negara-negara parti yang lain di bawah Protokol Montreal

bertindak menyediakan dan melaksanakan Pelan Pengurusan Penghapusan Hydrochlorofluorocarbons (HCFC). Objektif pelan ini ialah pengurangan penggunaan HCFC secara berperingkat dalam industri dan sektor servis melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti oleh pihak agensi kerajaan dan swasta seperti berikut:-

- i) Pelaburan dalam penukaran teknologi;**
- ii) Penguatkuasaan undang-undang dan polisi;**
- iii) Bantuan teknikal;**
- iv) Latihan serta pembangunan kapasiti;**
- v) Program kesedaran, pengawasan dan pengurusan sektor-sektor yang dikenali pasti menggunakan bahan HCFC.**

Dengan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mensasarkan penghapusan sepenuhnya penggunaan HCFC pada tahun 2030 dapat menyumbang kepada perlindungan lapisan ozon dan juga sistem iklim global.

Malaysia tidak terlibat dalam pengeluaran HCFC. Kesemua keperluan domestik penggunaan HCFC diimport dari negara lain. Pengimportan HCFC ke Malaysia tertakluk

kepada beberapa peraturan dan undang-undang. HCFC ini digantikan dengan bahan mesra ozon dan teknologi alternatif dalam sektor pembuatan yang menggunakan HCFC seperti alat penyaman udara, sistem penyejuk beku, pengilang pembuatan busa, alat pemadam api dan pelarut.

SOALAN 6

Apakah nasihat Tuan kepada semua pendengar dan penonton di luar sana dalam menangani isu perlindungan penapisan ozon.

JAWAPAN 6

Untuk pendengar-pendengar radio dan penonton di luar sana, apa yang boleh kita lakukan dalam usaha kita bersama-sama memulihara lapisan ozon, antaranya adalah mengurangkan pelepasan dari kenderaan bermotor dengan memilih untuk menggunakan pengangkutan awam atau berkongsi kereta. Selain itu, kita boleh menghadkan kegiatan aktif di luar rumah antara 1.00

tengah hari dan 3.00 petang apabila cuaca panas terik kerana kepekatan ozon aras bumi kebiasaannya paling tinggi ketika ini.

Saya juga menyeru semua pihak yang berkepentingan untuk sama-sama melipat gandakan usaha dalam mendokong usaha Kerajaan melindungi penipisan lapisan ozon. Adalah menjadi tanggung jawab kita semua untuk melindungi lapisan ozon ini supaya ozon dapat kembali seperti semula jadi untuk generasi yang akan datang. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ozon Antarabangsa Tahun 2020. Ozon Untuk Kehidupan. Sekian, terima kasih.

-TAMAT-